JKSNK menentu pengetahuan yang diperlukan bagi pelaksanaan operasi kerja dan untuk mencapai pematuhan terhadap Pengurusan Kes Mal Dan Jenayah. Pengetahuan ini terdiri daripada sumber luaran dan dalaman seperti pengetahuan yang diperolehi melalui pengalaman anggota dan pengumpulan pengetahuan daripada pelanggan. Pengetahuan ini akan diselenggara dan dipastikan tersedia mengikut keperluan. Jika berlaku perubahan keperluan dan trend, JKSNK mengambil kira pengetahuan terkini dan menentu kaedah untuk mencapai atau memperolehi sebarang pengetahuan tambahan.

7.2 Kekompetenan

JKSNK:

- a) Menentukan kekompetenan yang diperlukan oleh kakitangan yang melaksanakan kerja yang mempengaruhi keakuran terhadap keperluan produk serta keberkesanan terhadap sistem pengurusan kualiti;
- b) Memastikan kakitangan yang berkenaan adalah kompeten berdasarkan pendidikan, latihan, atau pengalaman;
- c) Mengambil tindakan untuk mencapai kekompetenan jika diperlukan dan menilai keberkesanan tindakan yang telah diambil; dan

	MK-JKSNK Manual Kualiti MS ISO 9001:2015	Keluaran	03
		Pindaan	00
		Tarikh Berkuatkuasa	20/07/2025

- d) Menyimpan maklumat didokumentasikan sebagai bukti berkaitan kekompetenan.

Dokumen Berkaitan

PKS-JKSNK – 05 – Pengurusan Latihan Kakitangan

7.3 Kesedaran

JKSNK memastikan kakitangan di bawah kawalannya mengetahui tentang:

- a) Dasar kualiti;
- b) Objektif kualiti;
- c) Peranan kakitangan kepada keberkesanan sistem pengurusan kualiti termasuk prestasi yang ditambahbaik; dan
- d) Implikasi jika tidak mengakuri keperluan sistem pengurusan kualiti.

7.4 Komunikasi

JKSNK menentu komunikasi dalaman dan luaran yang relevan dengan sistem pengurusan kualiti meliputi:

- a) Perkara yang akan dikomunikasikan;
- b) Bila perlu berkomunikasi;
- c) Dengan siapa untuk berkomunikasi;
- d) Cara untuk berkomunikasi; dan
- e) Siapa yang berkomunikasi.

	MK-JKSNK Manual Kualiti MS ISO 9001:2015	Keluaran	03
		Pindaan	00
		Tarikh Berkuatkuasa	20/07/2025

7.5 Maklumat Didokumentasikan

7.5.1 Am

Sistem pengurusan kualiti JKSNK meliputi:

- a) Maklumat didokumentasikan yang diperlukan oleh MS ISO 9001:2015; dan
- b) Maklumat didokumentasikan yang ditentukan perlu oleh JKSNK bagi keberkesanan sistem pengurusan kualiti.

Dokumen Berkaitan

- i. PKS-JKSNK – 01 – Kawalan Dokumen
- ii. PKS-JKSNK – 02 – Kawalan Rekod

	MK-JKSNK Manual Kualiti MS ISO 9001:2015	Keluaran	03
		Pindaan	00
		Tarikh Berkuatkuasa	20/07/2025

SEKSYEN 8

OPERASI

8.1 Perancangan Dan Kawalan Operasi

JKSNK merancang, melaksana dan mengawal proses yang diperlukan bagi memenuhi keperluan untuk penyediaan Pengurusan Kes Mal dan Jenayah serta melaksanakan tindakan yang ditentukan di dalam Seksyen 6 dengan:

- a) Menentukan keperluan untuk produk dan perkhidmatan;
- b) Mewujudkan kriteria untuk proses dan penerimaan produk dan perkhidmatan;
- c) Menentukan sumber yang diperlukan untuk mencapai keakuran terhadap keperluan produk dan perkhidmatan;
- d) Melaksanakan kawalan proses selaras dengan kriteria; dan
- e) Menentu, menyelenggara dan mengekal maklumat yang didokumentasikan setakat yang perlu:-
 - i) untuk memberi keyakinan bahawa proses telah dilaksana seperti yang dirancang; dan
 - ii) untuk menunjukkan keakuran produk dan perkhidmatan terhadap keperluannya.

JKSNK mengawal perubahan terancang dan mengkaji semula kesan perubahan yang tidak diingini, dengan mengambil tindakan untuk mengurangkan apa-apa kesan buruk seperti yang diperlukan. JKSNK juga memastikan kawalan terhadap proses sumber luar jika berkaitan (lihat Seksyen 8.4).

	MK-JKSNK Manual Kualiti MS ISO 9001:2015	Keluaran	03
		Pindaan	00
		Tarikh Berkuatkuasa	20/07/2025

8.2 Keperluan Produk Dan Perkhidmatan

8.2.1 Komunikasi dengan pelanggan

Komunikasi dengan pelanggan meliputi:

- a) Menyediakan maklumat yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan;
- b) Mengendalikan pertanyaan, kontrak atau pesanan, termasuk perubahan;
- c) Mendapatkan maklumbalas pelanggan berkaitan dengan produk dan perkhidmatan, termasuk aduan pelanggan;
- d) Mengendalikan atau mengawal harta pelanggan; dan
- e) Mewujudkan keperluan khusus untuk tindakan luar jangka, jika relevan.

8.2.2 Menentukan keperluan produk dan perkhidmatan

Apabila menentukan keperluan untuk produk dan perkhidmatan yang akan ditawarkan kepada pelanggan, JKSNK memastikan bahawa:

- a) Keperluan untuk produk dan perkhidmatan ditentukan, termasuk:-
 - i) apa-apa keperluan berkanun dan peraturan yang diguna pakai; dan
 - ii) apa-apa yang difikirkan perlu oleh JKSNK;
- b) JKSNK boleh memenuhi akuan untuk produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.

	MK-JKSNK Manual Kualiti MS ISO 9001:2015		Keluaran	03
			Pindaan	00
			Tarikh Berkuatkuasa	20/07/2025

8.2.3 Kajian semula untuk produk dan perkhidmatan

JKSNK memastikan bahawa ia mempunyai keupayaan untuk memenuhi keperluan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan. JKSNK menjalankan kajian semula sebelum memberi komitmen untuk membekalkan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan termasuk:

- a) Keperluan yang ditetapkan oleh pelanggan, termasuk keperluan hantar serah dan aktiviti selepas hantar serah;
- b) Keperluan yang tidak dinyatakan oleh pelanggan tetapi adalah perlu bagi kegunaan yang ditetapkan atau yang dimaksudkan, jika hal itu diketahui;
- c) Keperluan yang ditetapkan oleh JKSNK;
- d) Keperluan berkanun dan peraturan yang diguna pakai bagi produk dan perkhidmatan; dan
- e) Keperluan kontrak atau pesanan yang berbeza daripada yang dinyatakan terdahulu.

JKSNK memastikan bahawa keperluan kontrak atau pesanan yang berbeza daripada yang ditetapkan terdahulu diselesaikan. Keperluan pelanggan disahkan oleh JKSNK sebelum penerimaan apabila pelanggan tidak menyediakan kenyataan didokumentasikan tentang keperluan mereka.

JKSNK menyimpan maklumat didokumentasikan seperti yang berkenaan:

- a) tentang hasil kajian semula; dan
- b) apa-apa keperluan baharu untuk produk dan perkhidmatan.

	MK-JKSNK Manual Kualiti MS ISO 9001:2015	Keluaran	03
		Pindaan	00
		Tarikh Berkuatkuasa	20/07/2025

8.2.4 Perubahan keperluan untuk produk dan perkhidmatan

JKSNK memastikan bahawa maklumat didokumentasikan yang relevan dipinda, dan bahawa orang yang berkaitan dimaklumkan tentang keperluan yang berubah, apabila keperluan untuk produk dan perkhidmatan diubah.

8.3 Rekabentuk Dan Pembangunan Produk Dan Perkhidmatan

Seksyen ini dikecualikan di dalam pelaksanaan sistem pengurusan kualiti di JKSNK. Rujuk Seksyen 3 Manual Kualiti ini.

8.4 Kawalan Terhadap Proses, Produk Dan Perkhidmatan Sediaan Luar

8.4.1 Am

JKSNK memastikan bahawa proses produk dan perkhidmatan sediaan luar akur terhadap keperluan. JKSNK menentukan kawalan yang akan diguna pakai bagi proses, produk dan perkhidmatan sediaan luar apabila:

- Produk dan perkhidmatan daripada penyedia luar bermaksud untuk dijadikan sebahagian daripada produk dan perkhidmatan JKSNK;
- Produk dan perkhidmatan disediakan secara terus kepada pelanggan oleh penyedia luar bagi pihak JKSNK; dan
- Proses, atau sebahagian daripada proses disediakan oleh penyedia luar berdasarkan keputusan yang dibuat oleh JKSNK.

JKSNK menentu dan mengguna pakai kriteria penilaian, pemilihan, pemantauan prestasi, dan penilaian semula penyedia luar, berdasarkan keupayaan mereka untuk menyediakan proses atau produk dan perkhidmatan selaras dengan keperluan.

	MK-JKSNK Manual Kualiti MS ISO 9001:2015	Keluaran	03
		Pindaan	00
		Tarikh Berkuatkuasa	20/07/2025

JKSNK mengekalkan maklumat didokumentasikan berkaitan aktiviti ini dan apa-apa tindakan perlu yang berpunca daripada penilaian.

Dokumen berkaitan

PKS-JKSNK-16 - Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan

8.4.2 Jenis dan takat kawalan

JKSNK memastikan bahawa proses, produk dan perkhidmatan sediaan luar tidak memberi kesan bertentangan terhadap keupayaan JKSNK untuk membekalkan secara tekal pengurusan kes mal dan jenayah yang akur dengan keperluan kepada pelanggannya. JKSNK:

- a) Memastikan proses sediaan luar kekal dalam kawalan sistem pengurusan kualitinya;
- b) Menetapkan kawalan yang dimaksudkan untuk diguna pakai terhadap kedua-dua penyedia luar dan *output* yang terhasil;
- c) Mengambil kira:
 - i) impak yang mungkin terhasil daripada proses, produk dan perkhidmatan sediaan luar terhadap keupayaan JKSNK untuk memenuhi secara tekal keperluan pelanggan serta keperluan berkanun dan peraturan yang terpakai; dan
 - ii) keberkesanan kawalan yang diguna pakai oleh penyedia luar;
- d) Menentukan aktiviti penentusahan, atau aktiviti lain, yang perlu bagi memastikan bahawa proses, produk dan perkhidmatan sediaan luar memenuhi keperluan.

	MK-JKSNK Manual Kualiti MS ISO 9001:2015		Keluaran	03
			Pindaan	00
			Tarikh Berkuatkuasa	20/07/2025

8.4.3 Maklumat untuk penyedia luar

JKSNK memastikan kecukupan keperluan sebelum dikomunikasikan kepada penyedia luar. JKSNK mengkomunikasikan kepada penyedia luar keperluannya tentang:

- a) Proses dan produk dan perkhidmatan yang akan disediakan;
- b) Kelulusan untuk:
 - i) produk dan perkhidmatan;
 - ii) kaedah, proses dan peralatan; dan
 - iii) pelepasan produk dan perkhidmatan;
- c) Kekompetenan, termasuk apa-apa kelayakan yang diperlukan oleh seseorang;
- d) Saling tindak penyedia luar dengan JKSNK;
- e) Kawalan dan pemantauan prestasi penyedia luar yang akan diguna pakai oleh JKSNK; dan
- f) Aktiviti penentusahan atau pengesahan yang JKSNK atau pelanggannya, bermaksud untuk melaksanakan di premis penyedia luar.

8.5 PENYEDIAAN PENGELUARAN DAN PERKHIDMATAN

8.5.1 Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan

JKSNK melaksanakan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan dalam keadaan terkawal. Keadaan terkawal meliputi:

- a) Ketersediaan maklumat didokumentasikan yang menetapkan:

	MK-JKSNK Manual Kualiti MS ISO 9001:2015	Keluaran	03
		Pindaan	00
		Tarikh Berkuatkuasa	20/07/2025

- i) ciri-ciri produk yang akan dihasilkan, perkhidmatan yang akan disediakan atau aktiviti yang akan dilaksanakan; dan
 - ii) hasil yang akan dicapai;
- b) Ketersediaan dan penggunaan sumber pemantauan dan pengukuran yang sesuai;
- c) Pelaksanaan aktiviti pemantauan dan pengukuran pada tahap yang sesuai untuk menentusahkan bahawa kriteria kawalan proses atau output, dan kriteria penerimaan produk dan perkhidmatan yang telah dipenuhi;
- d) Penggunaan prasarana dan persekitaran yang sesuai untuk operasi proses;
- e) Pelantikan orang yang kompeten, termasuk apa-apa kelayakan yang diperlukan;
- f) Pengesahan dan pengesahan semula secara berkala terhadap keupayaan untuk mencapai hasil yang dirancang daripada proses bagi penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan, jika output yang dihasilkan tidak boleh ditentusahkan melalui pemantauan atau pengukuran;
- g) Pelaksanaan tindakan bagi mencegah tindakan manusia;
- h) Pelaksanaan aktiviti pelepasan, hantar serah dan selepas hantar serah.

Dokumen berkaitan

PK-JKSNK - Prosedur Kualiti 01 hingga 10

	MK-JKSNK Manual Kualiti MS ISO 9001:2015		Keluaran	03
			Pindaan	00
			Tarikh Berkuatkuasa	20/07/2025

8.5.2 Pengenalpastian dan kebolehkesanan

JKSNK menggunakan cara yang sesuai untuk mengenal pasti *output* apabila perlu bagi memastikan keakuran pengurusan kes mal dan jenayah. JKSNK mengenal pasti status *output* berkenaan dengan keperluan, pemantauan dan pengukuran sepanjang penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan. JKSNK mengawal pengenalpastian unit *output* apabila kebolehkesanan merupakan satu keperluan, dan menyimpan maklumat didokumentasikan yang perlu untuk membolehkan kebolehkesanan.

8.5.3 Harta kepunyaan pelanggan atau penyedia luar

JKSNK memelihara harta kepunyaan pelanggan atau penyedia luar semasa harta itu di bawah kawalan JKSNK atau digunakan oleh JKSNK.

JKSNK mengenal pasti, menentusahkan, menjaga serta melindungi harta pelanggan atau penyedia luar yang disediakan untuk kegunaan atau untuk dijadikan sebahagian daripada produk dan perkhidmatan.

Apabila harta pelanggan atau penyedia luar hilang, rosak atau selainnya didapati tidak sesuai untuk digunakan, JKSNK melaporkan hal itu kepada pelanggan atau penyedia luar, dan menyimpan maklumat didokumentasikan tentang hal yang telah berlaku

Dokumen berkaitan

- i. PKS-JKSNK-12 Penerimaan Wang Hasil dan Wang Jamin
- ii. PKS-JKSNK-13 Penyelenggaraan dan Pengembalian Wang Jamin

8.5.4 Pemeliharaan

JKSNK memelihara *output* semasa menyediakan pengeluaran dan perkhidmatan, setakat yang perlu bagi memastikan keakuran terhadap keperluan.

	MK-JKSNK Manual Kualiti MS ISO 9001:2015	Keluaran	03
		Pindaan	00
		Tarikh Berkuatkuasa	20/07/2025

8.5.5 Aktiviti selepas hantar serah

JKSNK memenuhi keperluan bagi aktiviti selepas hantar serah yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan. Dalam menentukan tahap aktiviti yang diperlukan selepas hantar serah, JKSNK mengambil kira:-

- a) Keperluan berkanun dan peraturan;
- b) Akibat tidak diingini yang mungkin timbul berkaitan produk dan perkhidmatannya;
- c) Keadaan, kegunaan serta hayat produk dan perkhidmatan yang dimaksudkan;
- d) Keperluan pelanggan; dan
- e) Maklum balas pelanggan.

Dokumen Berkaitan

- i. PK-JKSNK-08 - Permohonan Rayuan Kes Mal
- ii. PK-JKSNK-09 - Permohonan Rayuan Kes Jenayah

8.5.6 Kawalan perubahan

JKSNK menyemak semula dan mengawal perubahan terhadap pengeluaran atau penyediaan perkhidmatan, setakat yang perlu bagi memastikan keakuratan berterusan terhadap keperluan.

	MK-JKSNK Manual Kualiti MS ISO 9001:2015	Keluaran	03
		Pindaan	00
		Tarikh Berkuatkuasa	20/07/2025

JKSNK mengekalkan maklumat didokumentasikan yang memerihalkan hasil kajian semula perubahan, orang yang membenarkan perubahan, dan apa-apa tindakan yang perlu hasil daripada kajian semula itu.

Dokumen Berkaitan

PKS-JKSNK-08 - Kawalan Terhadap Perubahan

8.6 Pelepasan Produk Dan Perkhidmatan

JKSNK melaksanakan perkiraan terancang, pada tahap yang sesuai, untuk menentukan bahawa keperluan produk dan perkhidmatan telah dipenuhi. Pelepasan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan tidak perlu diteruskan sehingga perkiraan terancang disiapkan dengan memuaskan, melainkan jika diluluskan sebaliknya oleh pihak berkuasa yang relevan dan, jika berkenaan, oleh pelanggan.

JKSNK mengekalkan maklumat didokumentasikan tentang pelepasan produk dan perkhidmatan. Maklumat didokumentasikan ini hendaklah termasuk:

- a) Bukti keakuran terhadap kriteria penerimaan; dan
- b) Kebolehkesanan orang yang membenarkan pelepasan;

8.7 Kawalan Output Tak Akur

JKSNK memastikan bahawa *output* tak akur terhadap keperluannya dikenal pasti dan dikawal bagi mencegah penggunaan atau hantar serah yang tidak dimaksudkan.

JKSNK mengambil tindakan yang sesuai berdasarkan keadaan ketidakakuran dan kesannya terhadap keakuran produk dan perkhidmatan. Perkara ini juga terpakai bagi

	MK-JKSNK	Keluaran	03
	Manual Kualiti	Pindaan	00
	MS ISO 9001:2015	Tarikh Berkuatkuasa	20/07/2025

produk dan perkhidmatan tak akur yang dikesan selepas hantar serah produk, semasa atau selepas penyediaan perkhidmatan.

JKSNK mengurus *output* tak akur dengan satu atau lebih daripada cara berikut:

- Membuat pembetulan;
- Membuat pengasingan, pembendungan, pemulangan atau penggantungan penyediaan produk dan perkhidmatan;
- Memaklumkan pelanggan;
- Mendapatkan kebenaran untuk penerimaan di bawah konsesi.

Keakuran terhadap keperluan ditentukan apabila output tak akur diperbetulkan.

JKSNK mengekalkan maklumat didokumentasikan yang:

- Memerihalkan ketakakuran;
- Memerihalkan tindakan yang diambil;
- Memerihalkan apa-apa konsesi yang diperolehi; dan
- Mengenalpasti kuasa yang memutuskan tindakan berkenaan dengan ketakakuran.

Dokumen Berkaitan

PKS-JKSNK-07 - Kawalan Terhadap Ketidakpatuhan

	MK-JKSNK Manual Kualiti MS ISO 9001:2015	Keluaran	03
		Pindaan	00
		Tarikh Berkuatkuasa	20/07/2025

SEKSYEN 9

PENILAIAN PRESTASI

9.1 Pemantauan, Pengukuran, Analisis Dan Penilaian

9.1.1 Am

JKSNK menentukan:

- a) Apa yang perlu dipantau dan diukur;
- b) Kaedah pemantauan, pengukuran, analisis dan penilaian yang diperlukan bagi memastikan hasil yang sah;
- c) Bila pemantauan dan pengukuran hendak dilaksanakan;
- d) Bila hasil pemantauan dan pengukuran hendak dianalisis dan dinilai;

JKSNK menilai prestasi dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti. JKSNK juga menyimpan maklumat didokumentasikan yang sesuai sebagai bukti hasilnya.

9.1.2 Kepuasan pelanggan

JKSNK memantau persepsi pelanggan sejauh mana keperluan dan jangkaan mereka telah dipenuhi. JKSNK juga menentukan kaedah untuk memperolehi, memantau dan menyemak semula maklumat ini.

Dokumen Berkaitan

PKS-JKSNK-03 - Pengendalian Aduan dan Maklumbalas Pelanggan

	MK-JKSNK Manual Kualiti MS ISO 9001:2015	Keluaran	03
		Pindaan	00
		Tarikh Berkuatkuasa	20/07/2025

9.1.3 Analisis dan penilaian

JKSNK menganalisis dan menilai data serta maklumat yang sesuai hasil daripada pemantauan dan pengukuran. Hasil analisis digunakan untuk menilai:-

- a) Keakuran produk dan perkhidmatan;
- b) Tahap kepuasan pelanggan;
- c) Prestasi dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti;
- d) Sama ada perancangan telah dilaksanakan dengan berkesan;
- e) Keberkesanan tindakan yang diambil bagi menangani risiko dan peluang;
- f) Prestasi pembekal luar; dan
- g) Keperluan untuk menambahbaik sistem pengurusan kualiti.

9.2 Audit Dalaman

JKSNK menjalankan audit dalaman sekurang-kurangnya dua kali setahun untuk menyediakan maklumat bahawa sistem pengurusan kualiti:

- a) Akur terhadap:
 - i) keperluan sistem pengurusan kualiti JKSNK;
 - ii) keperluan Standard MS ISO 9001:2015;
- b) Dilaksanakan dan diselenggarakan secara berkesan.

	MK-JKSNK	Keluaran	03
	Manual Kualiti	Pindaan	00
	MS ISO 9001:2015	Tarikh Berkuatkuasa	20/07/2025

JKSNK:

- Merancang, mewujudkan, melaksana dan menyelenggarakan program audit, termasuk kekerapan, kaedah, tanggungjawab, keperluan perancangan dan pelaporan, yang hendaklah mengambil kira kepentingan proses berkenaan, perubahan yang memberi kesan kepada JKSNK, dan hasil audit terdahulu;
- Menentukan kriteria audit dan skop bagi setiap audit;
- Memilih juruaudit dan menjalankan audit bagi memastikan keobjektifan dan kesaksamaan proses audit;
- Memastikan bahawa hasil audit dilaporkan kepada pihak pengurusan yang relevan;
- Melaksanakan pembetulan dan mengambil tindakan pembetulan yang sesuai dengan segera; dan
- Menyimpan maklumat didokumentasikan sebagai bukti pelaksanaan program audit dan hasil audit.

Dokumen Berkaitan

PKS- JKSNK -10 - Audit Dalam

	MK-JKSNK Manual Kualiti MS ISO 9001:2015	Keluaran	03
		Pindaan	00
		Tarikh Berkuatkuasa	20/07/2025

9.3 Kajian Semula Pengurusan

9.3.1 Am

Ketua Hakim Syarie mengkaji semula sistem pengurusan kualiti JKSNK sekurang-kurangnya sekali setahun bagi memastikan kesesuaian, kecukupan, keberkesanan dan keselarasan yang berterusan dengan hala tuju strategik JKSNK.

9.3.2 Input kajian semula pengurusan

Kajian semula pengurusan dirancang dan dijalankan dengan mengambil kira:

- a) Status tindakan daripada kajian semula pengurusan terdahulu;
- b) Perubahan dalam isu luaran dan dalaman yang relevan dengan sistem pengurusan kualiti;
- c) Maklumat mengenai prestasi dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti, termasuk trend dalam:
 - i) kepuasan pelanggan dan maklumbalas daripada pihak berkepentingan yang relevan;
 - ii) takat pencapaian objektif kualiti;
 - iii) prestasi proses dan keakuran produk dan perkhidmatan;
 - iv) ketakakuran dan tindakan pembetulan;
 - v) hasil pemantauan dan pengukuran;
 - vi) hasil audit;
 - vii) prestasi pembekal luar;
- d) Kecukupan sumber;

	MK-JKSNK Manual Kualiti MS ISO 9001:2015	Keluaran	03
		Pindaan	00
		Tarikh Berkuatkuasa	20/07/2025

- e) Keberkesanan tindakan yang diambil bagi menangani risiko dan peluang (lihat Seksyen 6.1); dan
- f) Peluang penambahbaikan.

9.3.3 Output kajian semula pengurusan

Output kajian semula pengurusan merangkumi keputusan dan tindakan yang berkaitan:

- a) Peluang penambahbaikan;
- b) Sebarang keperluan untuk perubahan dalam sistem pengurusan kualiti; dan
- c) Keperluan sumber.

JKSNK menyimpan maklumat didokumentasikan sebagai bukti hasil kajian semula pengurusan.

Dokumen berkaitan

PKS-JKSNK 11 - Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan

	MK-JKSNK Manual Kualiti MS ISO 9001:2015		Keluaran	03
			Pindaan	00
			Tarikh Berkuatkuasa	20/07/2025

SEKSYEN 10

PENAMBAHBAIKAN

10.1 Am

JKSNK menentu dan memilih peluang penambahbaikan dan melaksanakan sebarang tindakan yang perlu bagi memenuhi keperluan pelanggan dan meningkatkan kepuasan pelanggan. Ini merangkumi:

- a) Menambah baik produk dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan serta menangani keperluan dan jangka masa depan;
- b) Membetul, mencegah atau mengurangkan kesan yang tidak diingini; dan
- c) Menambah baik prestasi dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti.

10.2 Ketakakuran Dan Tindakan Pembetulan

Apabila berlaku ketakakuran, termasuklah apa-apa yang dibangkitkan melalui aduan, JKSNK:

- a) Bertindak balas terhadap ketakakuran itu, dan jika berkenaan:
 - i) mengambil tindakan untuk mengawal dan membetulkannya; dan
 - ii) menangani akibatnya;
- b) Menilai keperluan untuk tindakan menghapuskan punca ketakakuran, agar tidak berulang atau berlaku di tempat lain, dengan cara:
 - i) menyemak semula dan menganalisis ketakakuran;

	MK-JKSNK Manual Kualiti MS ISO 9001:2015	Keluaran	03
		Pindaan	00
		Tarikh Berkuatkuasa	20/07/2025

- ii) menentukan punca ketakakuran;
- iii) menentukan jika ketakakuran yang serupa wujud, atau berpotensi boleh berlaku;
- c) Melaksana apa-apa tindakan yang diperlukan;
- d) Menyemak semula keberkesanan bagi sebarang tindakan pembetulan yang diambil;
- e) Mengemaskini risiko dan peluang yang ditentukan semasa perancangan, jika perlu;
- f) Membuat perubahan dalam sistem pengurusan kualiti, jika perlu.

Tindakan pembetulan bersesuaian dengan kesan ketakakuran yang ditemui. JKSNK merekodkan bukti:

- a) Perihal ketakakuran dan apa-apa tindakan susulan yang diambil;
- b) Hasil daripada tindakan pembetulan.

Dokumen Berkaitan


PKS-JKSNK – 09 - Tindakan Pembetulan

	MK-JKSNK Manual Kualiti MS ISO 9001:2015	Keluaran	03
		Pindaan	00
		Tarikh Berkuatkuasa	20/07/2025

10.3 Penambahbaikan Berterusan

JKSNK secara berterusan menambah baik kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti.

JKSNK mengambil kira hasil analisis dan penilaian, dan *output* daripada kajian semula pengurusan bagi menentukan jika terdapat keperluan atau peluang yang perlu ditangani sebagai sebahagian daripada penambahbaikan berterusan.



ISU-ISU DALAMAN

Kehilangan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Proses kerja terganggu berpunca dari penggunaan peralatan ICT yang lama.

Keselamatan terhadap kakitangan dan harta benda terancam.

ISU-ISU LUARAN

Serangan siber.

Perubahan iklim seperti banjir, kebakaran dan peningkatan suhu.


Gangguan talian komunikasi.

Rakaman semasa prosiding Mahkamah oleh orang awam.

Serangan makhluk perosak.


PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN

PEMEGANG TARUH (STAKE HOLDER)



PELANGGAN

RAKAN STRATEGIK



PERANCANGAN UNTUK MENCAPAI OBJEKTIF KUALITI
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1. BAHAGIAN KEHAKIMAN

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
1.	Menetapkan tarikh sebutan kepada pelanggan pada hari pendaftaran kes.	100%	Memantau penetapan tarikh sebutan yang diberikan kepada pelanggan.	Tiada	Pendaftar Pen. Pendaftar	Selewat-lewatnya bulan Disember setiap tahun	Penilaian pencapaian enam bulan sekali

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
2.	Menyebut / membicarakan sesuatu kes Mal, Jenayah dan Faraid dalam masa 21 hari bekerja selepas didaftarkan.	100%	Memastikan tarikh sebutan kes kali pertama tidak melebihi tempoh masa yang ditetapkan.	Tiada	Hakim Syarie Pegawai Sulh Pendaftar Pen. Pendaftar	Selewat-lewatnya bulan Disember setiap tahun	Penilaian pencapaian enam bulan sekali

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
3.	Menyebut / membicarakan sekurang-kurang 95% Kes Mal, Jenayah dan Faraid yang telah didaftarkan pada tahun semasa.	100%	Memastikan pegawai yang terlibat merancang cuti rehat tahunan.	Sumber Manusia	Hakim Syarie Pegawai Sulh Pendaftar Pen. Pendaftar	Selewat-lewatnya bulan Disember setiap tahun	Penilaian pencapaian enam bulan sekali

LAMPIRAN D

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
4.	Menyelesaikan sekurang-kurangnya 80% kes mal tertanggung yang dibawa ke tahun semasa.	100%	Memastikan kes tertanggung diutamakan untuk diselesaikan.	Sumber Manusia	Hakim Syarie	Selewat-lewatnya bulan Disember setiap tahun	Penilaian pencapaian enam bulan sekali

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
5.	Menyelesaikan sekurang-kurangnya 90% kes jenayah tertanggung yang dibawa ke tahun semasa.	100%	Memastikan kes tertanggung diutamakan untuk diselesaikan.	Sumber Manusia	Hakim Syarie	Selewat-lewatnya bulan Disember setiap tahun	Penilaian pencapaian enam bulan sekali

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
6.	Menyelesaikan sekurang-kurangnya 95% kes faraid tertanggung yang dibawa ke tahun semasa.	100%	Memastikan kes tertanggung diutamakan untuk diselesaikan.	Tiada	Hakim Syarie	Selewat-lewatnya bulan Disember setiap tahun	Penilaian pencapaian enam bulan sekali

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
7.	Menyelesaikan 90% kes tertangguh yang didaftarkan dua tahun ke belakang sebelum tahun semasa.	100%	Memastikan kes tertangguh diutamakan untuk diselesaikan.	Sumber Manusia	Hakim Syarie	Selewat-lewatnya bulan Julai pada tahun semasa.	Penilaian pencapaian pada bulan Jun pada tahun semasa.

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
8.	Menyelesaikan sekurang-kurangnya 90% kes Permohonan Perceraian, Tuntutan Pengesahan Lafaz Cerai dan Tebus Talak yang didaftarkan dalam tahun semasa.	100%	Memastikan kes-kes tersebut diutamakan untuk diselesaikan.	Sumber Manusia	Hakim Syarie	Selewat-lewatnya bulan Disember setiap tahun.	Penilaian pencapaian enam bulan sekali

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
9.	Menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% kes Tuntutan Fasakh dan Cerai Taklik yang didaftarkan dalam tahun semasa.	100%	Memastikan kes-kes tersebut diutamakan untuk diselesaikan.	Sumber Manusia	Hakim Syarie	Selewat-lewatnya bulan Disember setiap tahun.	Penilaian pencapaian enam bulan sekali

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
10.	Menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% kes nafkah yang didaftarkan dalam tahun semasa.	100%	Memastikan kes-kes tersebut diutamakan untuk diselesaikan.	Sumber Manusia	Hakim Syarie	Selewat-lewatnya bulan Disember setiap tahun.	Penilaian pencapaian enam bulan sekali

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
11.	Menyebut rayuan kali pertama dalam masa 21 hari bekerja selepas notis rayuan diterima daripada Mahkamah yang keputusannya dirayu.	100%	Memastikan tarikh sebutan kes kali pertama tidak melebihi tempoh masa yang ditetapkan.	Tiada	Hakim Syarie Pendaftar Pen. Pendaftar	Selewat-lewatnya bulan Disember setiap tahun	Penilaian pencapaian enam bulan sekali

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
12.	Menyediakan Alasan Penghakiman dan Nota Keterangan dalam tempoh 8 minggu selepas notis rayuan difailkan.	100%	Menggunakan e-bicara	Kelengkapan ICT Perisian internet yang terkini	Hakim Syarie Pegawai ICT	Selewat-lewatnya bulan Disember setiap tahun	Penilaian pencapaian enam bulan sekali

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
13.	Mendengar rayuan kali pertama dalam masa 21 hari bekerja selepas rekod rayuan diterima daripada Mahkamah yang keputusannya dirayu.	100%	Memastikan tarikh pendengaran kes rayuan tidak melebihi tempoh masa yang ditetapkan.	Tiada	Hakim Syarie	Selewat-lewatnya bulan Disember setiap tahun	Penilaian pencapaian enam bulan sekali

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
14.	Mendengar semakan kes kali pertama dalam masa 21 hari bekerja selepas didaftarkan.	100%	Memastikan tarikh pendengaran semakan kes tidak melebihi tempoh masa yang ditetapkan.	Tiada	Hakim Syarie	Selewat-lewatnya bulan Disember setiap tahun	Penilaian pencapaian enam bulan sekali
15.	Mengeluarkan Perintah Kes Mal dan Jenayah dalam masa 14 hari selepas keputusan Mahkamah.	100%	Memastikan perintah tersebut dikeluarkan tidak melebihi tempoh masa yang ditetapkan.	Tiada	Pendaftar Pen. Pendaftar	Selewat-lewatnya bulan Disember setiap tahun	Penilaian pencapaian enam bulan sekali

2. BAHAGIAN PENGURUSAN MAHKAMAH

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
1.	Setiap kakitangan akan diberi kursus / latihan yang berkaitan dengan bidang tugas sebanyak 7 hari dalam setahun bagi penghasilan kerja yang betul dan berkualiti.	100%	Latihan hendaklah berkaitan dengan kompetensi peserta.	Peruntukan kewangan Fasiliti bersesuaian	Unit latihan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Selewat-lewatnya bulan Disember setiap tahun	Penilaian pencapaian enam bulan sekali

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
2.	Kekosongan jawatan akan dilaporkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dalam tempoh 30 hari selepas tempoh kekosongan.	100%	Memaklumkan kepada Pejabat SUK Negeri apabila terdapat kekosongan.	Tiada	Ketua Pendaftar	Dari masa ke semasa	Penilaian pencapaian enam bulan sekali

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
3.	Memastikan Buku Rekod Perkhidmatan Kakitangan dan Rekod Cuti sentiasa dikemaskini;	100%	Menyemak Buku Rekod Perkhidmatan setiap enam bulan sekali.	Sumber Manusia	Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)	Selewat-lewatnya bulan Disember setiap tahun	Penilaian pencapaian enam bulan sekali

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
4.	Mengambil tindakan terhadap aduan berkaitan kerosakan pejabat atau alat dalam masa 5 hari selepas aduan diterima.	100%	Membaik pulih sebaik sahaja menerima aduan.	Peruntukan kewangan	Ketua Pendaftar Penolong Pegawai Tadbir	Dari masa ke semasa	Penilaian pencapaian enam bulan sekali

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
5.	Memastikan bayaran kepada pembekal akan dikunci masuk dalam sistem Bendahari Negeri dalam tempoh 7 hari dari tarikh invois diterima.	100%	Mengunci masuk sebaik sahaja menerima bil.	Kelengkapan ICT Perisian internet yang terkini	Pembantu Akauntan	Selewat-lewatnya bulan Disember setiap tahun	Penilaian pencapaian enam bulan sekali

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
6.	Memastikan bayaran tuntutan elaun perjalanan kakitangan yang diterima sebelum 10hb. setiap bulan dikunci masuk dalam Sistem Bendahari Negeri tidak lewat daripada 15hb. setiap bulan.	100%	Mengunci masuk ke dalam sistem iSPEKS sebaik sahaja menerima KEW.8.	Kelengkapan ICT Perisian internet yang terkini	Pembantu Akauntan / Pembantu Tadbir (P/O)	Selewat-lewatnya bulan Disember setiap tahun	Penilaian pencapaian enam bulan sekali

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
7.	Memastikan setiap perubahan dalam gaji payroll dilaksanakan dalam bulan semasa kecuali pergerakan gaji bagi bulan Januari.	100%	Mengunci masuk ke dalam sistem iSPEKS sebaik sahaja menerima KEW.8.	Kelengkapan ICT Perisian internet yang terkini	Pembantu Akauntan / Pembantu Tadbir (P/O)	Selewat-lewatnya bulan Disember setiap tahun	Penilaian pencapaian enam bulan sekali

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
8.	Memastikan bayaran gaji berasingan dikunci masuk dalam Sistem Bendahari Negeri tidak lewat dari 7 hari dalam bulan semasa;	100%	Mengunci masuk ke dalam sistem SPEKS sebaik sahaja menerima KEW.8.	Kelengkapan ICT Perisian internet yang terkini	Pembantu Akauntan / Pembantu Tadbir (P/O)	Selewat-lewatnya bulan Disember setiap tahun	Penilaian pencapaian enam bulan sekali

BIL.	OBJEKTIF KUALITI	SASARAN	PENDEKATAN PELAKSANAAN	SUMBER YANG DIPERLUKAN	TANGGUNGJAWAB	TARIKH DICAPAI	PENILAIAN PENCAPAIAN
9.	Menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas setiap aduan pelanggan yang diterima dalam tempoh 14 hari dari tarikh aduan itu diterima.	100%	Membuat siasatan sebaik sahaja menerima aduan.	Tiada	Pendaftar Pen. Pendaftar	Selewat-lewatnya bulan Disember setiap tahun	Penilaian pencapaian enam bulan sekali